



D. Y. M. M. ISHTIHARKAN

Pembukaan Rasmi Mesjid Muara

MUARA. — Negara yang maju ia-lah negara yang ra'ayat-nya berpegang tangan dengan pemerantah bagi menunaikan kewajipan masing2 dengan suchi hati dan ingk. Di-atas dari segala2-nya itu ia-lah takutkan Allah dan berjalan di-atas Undang2 Uagama Islam.

Demikian menurut titah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin sa-telah Baginda merasmikan pembukaan Mesjid Muara yang baharu pada hari Jumaat 8 June, 1962.

Mesjid Muara yang baharu itu telah di-bena oleh Kerajaan Brunei sa-bagai menggantikan Mesjid yang lama dengan perbelanjaan sa-banyak \$250,000 dan Jabatan Hal Ehwal Uagama Negeri Brunei telah menjalankan urusan2 bagi membangunkan-nya.

Di-antara ramai yang hadir di-Mesjid Muara pada masa Duli Yang Maha Mulia mengishtikan pembukaan rasmi Mesjid itu ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Dato Paduka Haji Muda Hashim; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Dato Paduka Haji Mohamed Alam; Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh; Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Haji Mohamed; Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama Negeri Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarulzaman; Timbalan Setia Usaha Kerajaan merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan Y.B. Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf; Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Uagama Negeri Brunei, Y.A.M. Pengiran Muda Kemaludin dan lain2-nya.

Pada masa Duli Yang Maha Mulia dan rombongan tiba di-Mesjid tersebut pada pukul 11.25 pagi hari itu Lagu Kebangsaan Negeri Brunei di-nyanyikan oleh murid2 sekolah dan Bendera Baginda pun di-kibarkan.

Sa-lepas Duli Yang Maha Mulia mengishtiharkan pembukaan rasmi Mesjid Muara yang baharu itu, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh, Kadhi Besar, Negeri

Brunei telah membachakan salawat dan do'a selamat.

Duli Yang Maha Mulia telah memberikan titah yang berharga beberapa minit kemudian.

Uchapan2 telah di-lafadzkan oleh Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Uagama, Negeri Brunei, Yang Berhormat

Dato Setia Pengiran Haji Ali dan oleh Setia Usaha Pembukaan Mesjid Muara, Inche Mohamed Salleh bin Abdul Momin, manakala Tuan Haji Khalidi dan Ustaz Abdul Kadir Awang telah membacha Al-Koran di-majlis tersebut.

Sembahyang Juma'at telah di-Imamkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar. Yang Dimuliakan Begawan Khatib Haji Metali, Kadhi Brunei dan Muara pula telah membachakan Khotbah Juma'at dan Majlis itu bersurai sa-lepas Tuan Imam Abdul Rahmat dari Mesjid Muara membachakan do'a penutup.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan dalam gambar yang bersejarah ini pada masa Baginda merasmikan pembukaan Mesjid Muara yang baharu sa-bagaimana yang di-beritakan di-muka ini.

**SELAMAT
BELAYAR
ASKAR2**

BANDAR BRUNEI. — Sa-ra-mai 56 orang bakal Askar dan 252 orang dari pasokan Askar Melayu Brunei yang ke-dua dan ke-tiga telah belayar ka-Labuan pada hari Ithnin yang lalu dengan menaiki beberapa buah kapal Kerajaan Brunei dalam perjalanan mereka ka-Persekutuan Tanah Melayu.

Rekrut2 yang baharu itu akan berlateh di-Pusat Latehan Askar Melayu Di-raja Persekutuan Tanah Melayu di-Port Dickson, Negeri Sembilan, 252 orang lagi akan di-tempatkan di-satu Perkhemahan Khas bagi Markas Angkatan Tentera Brunei di-Siginting.

Dalam satu upacara yang di-adakan di-Padang Besar di-sini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Setia Marsal bin Ma'un telah di-perkenalkan kepada rekrut2 yang baharu dan sa-lepas itu beliau telah memberikan satu ucapan yang bersemangat mengandungi nasehat2 yang berharga.

Kemudian Yang Di-Muliakan Begawan Khatib Haji Metali telah membachakan Do'a Selamat. Sa-lepas itu semua Askar berbaris menuju ka-Tambatan Kastam Di-Raja di-sini dengan di-dahului oleh Pancharagam Pulis Negeri Brunei.

Yang Mulia Mudim Haji Wasli telah menyuarakan Azan pada masa kapal2 yang membawa bakal2 Askar Melayu Brunei itu hendak belayar ka-Labuan.

Turut berangkat bersama2 dengan parajurit2 tersebut ia-lah Y.B. Inche Abdul Manan bin Muhammad dan tiga orang Pegawai2 dari Markas Angkatan Tentera Brunei ia-itu W/O Mat Dom, Sarjan Ariffin dan Sarjan Baharom.

UTAMAKAN-LAH BAHASA MELAYU

KURNIAAN BAGINDA QUEEN



Inche Alan Nail Outram, Pesuruhjaya Pulis, Negeri. Beliau telah di-kurniakan PINGAT PULIS BAGINDA QUEEN oleh D.Y.M.M. Baginda Queen pada Hari Keputeraan Baginda Baharu2 ini. Berita berhubung dengan kurniaan itu telah pun di-siarkan dalam akhbar ini pada 6 June, 1962.



Kapten James Davis D.F.C., Ketua Jabatan Penerbangan, Sharikat Minyak Shell Brunei yang telah di-kurniakan oleh D.Y.M.M. Baginda Queen dengan SIJIL KEPUJIAN BAGINDA QUEEN pada Hari Keputeraan Baginda baharu2 ini.

DARJAH TRENGKAS

BANDAR BRUNEI. — Darjah Trengkas Melayu Peringkat Permulaan untuk pegawai2 Kerajaan dan gudang2 perniagaan di-Bandar Brunei sahaja akan diadakan mulai awal bulan July hadapan.

Pendaftaran hanya di-terima sa-hingga 30 June, 1962 sahaja.

BULAN BAHASA: Rapat Umum Dan Perarakan Di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Suatu Rapat Umum dan Perarakan akan di-adakan di-hadapan Bangunan Jabatan2 Kerajaan di-sini mulai pukul 9.00 pagi 23 July hadapan sa-bagai salah satu achara sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan yang akan di-lancharkan mulai pada 2 July hadapan.

Pasokan2 yang terdiri dari kampung2, sekolah2, sharikat2 perniagaan, persatuan dan pertubuhan, jabatan2 Kerajaan dan lain2 di-jangka akan mengambil bahagian dalam upacara tersebut.

Rapat Umum dan Perarakan Bulan Bahasa Kebangsaan itu akan di-penohkan dengan achara2:

◆ Pembukaan Rasmi — akan di-langsungkan pada pukul 9.00 pagi;

◆ Membaca Ikrar Bulan Bahasa Kebangsaan oleh Pengerusi Bahagian Rapat Umum dan Perarakan, dan sa-telah itu akan di-turuti dengan ucapan2 dari wakil bangsa2 di-negeri ini; dan

◆ Berarak melalui jalan2 raya yang di-tetapkan di-Bandar Brunei dengan membawa spandok2 chogan kata yang berunsor mendokong Bulan Bahasa Kebangsaan.

Jawatankuasa Bahagian Rapat Umum dan Perarakan Bulan Bahasa Kebangsaan yang di-pengurusikan oleh Yang Berhormat Inche' Shahbuddin bin Md. Salleh, dalam satu siaran-nya telah menjemput pihak2 yang berkenaan supaya menyertai Rapat Umum dan Perarakan itu.

Jawatankuasa itu berharap su-

paya pasokan2 yang akan mengambil bahagian dalam upacara itu hendaklah menyediakan:

◆ Satu Pasokan atau lebih mengikut ramai ahli2 yang di-sukai mereka (tidak di-hadkan);

◆ Tiap2 pasokan hendaklah membawa spandok chogan kata sa-kurang2-nya dua keping dan tidak lebih dari tiga keping yang berukuran 1 ela x 2½ ela, dengan tulisan sa-keping jawi dan sa-keping rumi yang berunsor men-

dokong Bulan Bahasa Kebangsaan; dan

◆ Warna kain chogan kata ialah putih dan warna tulisan-nya tidak di-tetapkan (mengikut kesukaan masing2).

Pasokan2 yang akan mengambil bahagian dalam upacara itu hendaklah menyatakan anggaran ramai ahli2 pasokan mereka dan menghantar permohonan dengan mengisikan borang2 yang di-sediakan kepada Setia Usaha Jawatankuasa Bahagian Rapat Umum dan Perarakan d/a Jabatan Pelajaran Brunei tidak lewat pada 7 July hadapan.

Dermasiswa Sharikat Minyak Shell Brunei

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah meluluskan pemberian dermasiswa kepada 30 orang penuntut Sekolah2 Inggeris dalam Negeri Brunei bagi kumpulan yang pertama, berjumlah lebih dari \$13,000.

Dermasiswa itu ada-lah di-hadiahkan mengikut daftar nama murid2 yang di-chadangkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Brunei.

Hadiah tersebut termasuk-lah 15 hadiah yang baharu dan 15 hadiah lama yang diperbaharui.

Murid2 yang menerima Sijil Persekolahan yang baharu itu ialah:

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei — Chin Vui Kion, Abdul Majid, Hussin Ahmad dan Awangku Abidin.

Sekolah Tinggih Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei — Ong Git Cheng dan Foo K' Yang.

Sekolah Perempuan Saint Angela Convent, Seria — Edna Mary Song.

Sekolah Saint Michael, Seria — Chai Min Yuk dan Lim Thien Seng.

Maktab Anthony Abell, Seria — Puan Chla Choon Moi, Chu Jin Chuan, Tan Seng Teck, Abdul Ghani, Geh Kim Jock dan Abdul Hadi.

Murid2 yang menerima dermasiswa Sijil Persekolahan yang diperbaharui ia-lah:

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei — Umar bin Haji Saruddin, Ibrahim bin Mat Yassin, Abdul Rahman bin Razalli, Awangku Duraman bin Pengiran Baha, Nordin bin Mohamed Yusof dan Han Foo Kuang.

Maktab Anthony Abell, Seria — Syn Yun Fah.

Sekolah Perempuan Saint Angela Convent, Seria — Lucy Leong Mee, C. Chong Oi Lin dan M. Yong Siew Hieun.

Sekolah Saint Michael, Seria — George Gumma, Yapp Fook Sang, Chung Kuang Hock, Leong Chen Wah dan Lim Thien Peng.

MENTERI BESAR BRUNEI BALEK DARI SINGAPURA

BERAKAS. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un dan Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah kembali ka-Negeri Brunei pada 5 June yang lalu sa-lepas menghadiri perayaan sambutan Hari Kebangsaan Singapura sa-bagai wakil2 Kerajaan Brunei.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf,

terdahulu dari menghadiri perayaan tersebut telah berkhujong ka-Bangkok, Thailand bersama2 dengan Penasehat Ekonomi Bangsa2 Bersatu di-Brunei, Doktor J.S. Gould untuk berunding dengan pakar2 Bangsa2 Bersatu mengenai perbantuan bidang teknik ka-negeri ini bagi melengkapi kehendak Rancangan Kemajuan lima tahun negeri ini.

Doktor Gould telah balek ka-Brunei terlebih dahulu dari Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf.



Menteri Besar Brunei, Y.A.B. Dato Setia Marsal dan Timbalan S.U.K. Brunei merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei Y.B. Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf kelihatan dalam gambar ini sa-waktu balek ka-Brunei baharu2 ini sa-telah menghadiri sambutan Hari Kebangsaan Singapura sa-bagai Wakil2 Kerajaan Brunei.

TEMU—RAMAH DI-ANTARA WAKIL RADIO SAUDI ARABIA DENGAN D. Y. M. M.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin dalam masa menunaikan fardhu haji kali yang kedua telah bertemu-ramah dengan wakil Jabatan Siaran Radio Kerajaan Sa'udi Arabia di-Mina pada 15 May yang lalu.

Dalam temu-ramah itu berbagai2 perkara telah di-tegaskan Baginda yang berhubung dengan pandangan2 mengenai keberangkatan Baginda menunaikan fardhu haji kali yang kedua itu.

"Banyak perubahan2 yang bertambah — boleh di-katakan sapa2 dari perkembangan dan kemajuan yang saya lihat pada 11 tahun yang lalu pada masa saya menunaikan fardhu haji kali yang pertama dalam tahun 1951. Ini, ada-lah yang sangat menarik perhatian dan menggembarakan saya", titah Baginda.

Dengan melalui churong Radio Kerajaan Sa'udi Arabia itu, Baginda mengambil peluang menyampaikan ucapan terima kasih kepada Raja Sa'udi Arabia atas lamaran2 yang di-berikan kepada Baginda dan rombongan.

Duli Yang Maha Mulia juga tidak lupa mengucapkan "selamat hari raya a'idil adzha" kepada ra'ayat Baginda di-tanah ayer dan di-luar negeri.

Titah Baginda sa-penoh-nya ada-lah seperti berikut:

"Saya dengan sukachita mengambil kesempatan dengan menerusi churong Radio Kerajaan Sa'udi Arabia mengucapkan "selamat hari raya a'idil adzha" terutama kepada Raja Saudi.

"Saya dan rombongan yang sampai di-tanah suci, Mekah, yang telah semporna menunaikan fardhu haji, berbanyak2 mengucapkan shukor alhamdulillah dan menerima kasih kepada Baginda Raja Sa'udi yang telah berarah hati memberikan layanan yang sangat2 memuaskan hati.

"Kami sa-lama berada di-negeri Baginda, Negeri Mekah ini, sangat2 berasa senang hati atas kemurahan Raja Saudi dan sambutan yang di-berikan kepada kami serta layanan yang cukup

baik dan memuaskan yang telah di-berikan oleh pegawai2 Baginda, maka saya dan rombongan berdo'a mudah2an Allah Subba-

"JERNEH SA-TELAH KABUT"

BANDAR BRUNEI. — "Jerneh Sa-telah Kabut", ia-itu sebuah lakonan sandiwarakan di-persembahkan oleh pemuda pemudi tempatan di-padang Bandar Brunei pada malam 23 July akan datang sa-bagai salah satu acara sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan.

Lakonan itu di-karang oleh Inche Ahmad bin Arshad, membayangkan perjuangan sa-orang pengarang terhadap masyarakat terutama sa-kali dalam usaha-nya untuk mengembangkan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa Rasmi negeri ini.

hannahu Wata'ala akan memberkati serta menambahkan taufik dan hidayah kepada Baginda Raja Saudi serta kerajaan-nya semoga Allah Subbannahu Wata'ala akan melanjutkan umur zaman-nya.

"Yang saya dapat ketahui dan menarik kepercayaan bahawa dengan ada-nya sa-bagai bakti-nya chorak pemerintahan yang adil dan saksama yang telah dilaksanakan oleh Baginda Raja Saudi, maka langkah yang bijak yang sedemikian akan mengukuhkan lagi perhubungan tali muhibbah di-antara umat Islam dan sa-bagai memberikan perangsang juga pada menggalakkan ketua2 dan pemimpin2 negara Islam khas-nya dan kepada orang2 Islam umum-nya bagi menunaikan kewajipan2 menurut suruhan Allah Subbannahu Wata'ala.

"Saya berdo'a mudah2an Allah Subbannahu Wata'ala membukakan hati umat Islam yang terdiri dari berbagai2 peringkat pada tiap2 tahun akan bertambah2 lagi mengunjongi negeri ini (Mekah) kerana menunaikan rukun yang kelima.

"Sa-bagai menutup ucapan saya ini, saya bagi pihak rombongan, saya mengucapkan "selamat hari raya a'idil adzha" kepada ra'ayat yang di-kasehi di-Negeri Brunei serta kaum keluarga di-negeri itu dan yang berada di-Persekutuan Tanah Melayu juga, dan di-lain2 negeri."

Peraduan Bahath

BANDAR BRUNEI. — Peraduan bahath peringkat kedua di-bawah anjoran Persatuan Murid Tua Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah di-langsungkan pada 15 June lepas di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah di-sini.

Sa-banyak enam buah persatuan pemuda pemudi di-Daerah Brunei telah mengambil bahagian dalam peraduan bahath itu.

Persatuan2 yang berjaya itu ia-lah Persatuan Penuntut2 Maktab Perguruan Berakas mengalahkan Persatuan Murid2 Tua Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama di-kalahkan oleh Persatuan Pemuda Angkatan Tunas Harapan, Kampong Bakut Berumpit.

Persatuan Pakatan Putera Kampong Ayer telah berjaya mengalahkan Persatuan Belia Sengkuring.

Dalam peringkat sa-tengah akhir, persatuan2 yang berjaya itu akan bertanding sa-mula dengan persatuan2 lain yang akan di-adakan di-dewan tersebut pada hari Juma'at 22 June hadapan mulai jam 9.00 pagi.

ANGGOTA2 PULIS BRUNEI BALEK DARI LATEHAN

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh orang rekrut Pulis Brunei telah balek ka-Brunei dengan kapal laut pada petang hari Rabu 13 June, 1962, sa-telah tamat berlatah sa-lama delapan bulan di-Pusat Latehan Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu di-Kuala Lumpur.

Mereka telah di-sambut di-Tambatan Kastam Di-raja di-sini oleh Pegawai Pemerintah Pulis Daerah Brunei, Penguasa Pulis Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid pada masa mereka tiba dari Labuan dengan kapal "Sultan".

Pada pagi hari Khamis 14 June satu istiadat memeriksa rekrut2 Pulis tersebut telah di-adakan di-kawasan Ibu Pejabat Pulis di-Bandar Brunei.

Pesuruhjaya Pulis Negeri Brunei, Inche A.N. Outram telah memeriksa perbarisan rekrut2 Pulis tersebut dalam istiadat itu.

Anggota2 Pulis yang baharu sahaja balek ka-Brunei sa-telah berlatah di-Persekutuan Tanah Melayu ia-lah:

Abdul Rahman bin Abdullah (ketua pasokan), Kamis bin Ba-

Gambar atas: Pesuruhjaya Pulis Brunei, Inche A.N. Outram kelihatan dalam gambar ini memeriksa perbarisan rekrut2 Pulis Brunei yang baharu balek dari latehan. Gambar bawah: Rekrut2 Pulis Brunei tersebut bergambar ramai bersama2 dengan Pegawai Pemerintah Pulis Daerah Brunei, Penguasa Pulis Pengiran Jaya dan Inspektor Mustapha dari Ibu Pejabat Pulis, Brunei.

kar, Latat bin Abdul Samad, Abdul Rahman bin Sulaiman, Mantor bin Ahmad.

Mohamed Noor bin Abdul

Ghani, Abdul Rahman bin Hassan, Latat bin Husain, Seruji bin Saidi, Menuhin bin Bujang.

Awangku Tuah bin Pengiran Kula, Ahmad bin Abdul Latif Musa bin Haji Abdul Rahim, Jebat bin Asar, Lim Mah Suee.

Naim bin Haji Badar, Nayan bin Haji Jalal, Ibrahim bin Metusin, Zakaria bin Abdullah dan Abdul Rahman bin Yusof.



JEMA'AH2 HAJI BALEK

BANDAR BRUNEI. — Lima puluh orang jema'ah2 Haji Negeri Brunei telah balek dari Mekah dengan kapal laut pada petang hari Thalatha 12 June, 1962.

Di-antara jema'ah2 Haji itu ia-lah dua orang Pegawai2 Perubatan Rendah dari Rumah Sakit Kerajaan Brunei ia-itu Haji Mat Noor bin Awang dan Haji Manaf bin Besar.

Mereka telah berangkat ka-Tanah Suci dalam bulan February tahun ini atas perbelanjaan Kerajaan Brunei untuk memberi rawatan bukan sahaja kepada jema'ah2 Haji dari Negeri Brunei bahkan kepada jema'ah2 Haji dari lain2 negeri juga.

SIARAN RADIO BRUNEI — BAHASA

Ranchangan Siaran Radio Brunei bahagian Melayu dari Studio2 di-Bandar Brunei dan Kuala Belait mulai dari 20 June hingga 1 July, adalah seperti di-bawah ini:

RABU — 20 JUNE, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Majallah Melalui Udara — (V.O.A.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Ruangan Apa Khabar—(S.U.)
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran
7.15 Latar Belakang — Rakaman BBC London
7.30 Pancharagam Tentera/Police
7.45 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai Di-sampaikan Oleh: Dk. Intan
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Cerita Pendek — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT
Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Bunga Rampai Indonesia
12.00 Latar Belakang — (S.U.)
Rakaman BBC London
12.15 Lagu2 Rampaian
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Pilihan Hiboran Saya — Para Pendengar Pengirim Lagu2 Kegemaran-nya — dan Di-siarkan Oleh: Pg. Mohd.
5.00 Perkembangan Ilmu Pengetahuan Rakaman V.O.A.
5.15 Ruangan Cerita Pendek — (S.U.)
5.30 Irama Aneka Senandung — Di-terbitkan Oleh: Zainab Zainal Abidin
6.00 Siaran Melayu Tammat

KHAMIS — 21 JUNE, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Shaugi
12.45 Majallah Sain dan Perusahaan — (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Lagu2 Tanpa Nyanyian
1.30 Majallah Radio — (S.U.)
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Bacha'an Al Koran
7.15 Kursus Al-Koran — Di-sampaikan Oleh: Tuan Haji Khalidi
7.30 Lagu2 Irama Pelahan
7.45 Madah Pujangga (S.U.)
8.00 Sejarah Islam
8.15 Lagu2 Melayu Asli
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Tafsir Al-Koran — Ustaz Salleh Hj. Abd. Majid
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT
Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai: Di-sampaikan Oleh: Zainab Zainal Abidin
12.00 Perkembangan Ilmu — Pengetahuan — (V.O.A.)
12.15 Hiboran
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Melayu Asli
4.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain Rakaman BBC London
5.00 Permainan Hiboran Tempatan (S.U.)
5.30 Lagu2 Padang Pasir
5.45 Bacha'an Ayat Suchi Al-Koran.
6.00 Siaran Melayu Tammat

JUMA'AT — 22 JUNE, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Pagi
9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Bacha'an Al-Koran
9.15 Selingan
9.30 Pelajaran Ugama Di-Udara— Di-sampaikan Oleh: Ustaz Salleh bin Hj. Abd. Majid
9.45 Sharahan Ugama
10.10 Hiboran
10.15 Rengkas Berita
10.20 Mengisi Masa
10.30 Rehat
Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Mimbar Islam — Sembahyang Juma'at Di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Selepas itu diikuti dengan lagu2 Masir.
1.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.45 Lagu2 Irama Pelahan
2.00 Siaran Melayu Tammat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran Pembuka'an
7.15 Sandiwar Radio — (S.U.)
8.00 Lagu2 Perminta'an Sukaramai — Di-terbitkan Oleh: Dk. Intan
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran Akhir
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT
Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Hiboran
11.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain— Rakaman BBC London (S.U.)
12.00 Ranchangan Ugama — Di-terbitkan Oleh: Pgn. Mohammad
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hiboran Rampaian
4.50 Majallah Sain dan Perusahaan Rakaman BBC London
5.00 Lagu2 Paduan Suara
5.30 Aneka Lagu2 Melayu — (Lagu Tanpa Nyanyian)
5.45 Lagu2 Masri
6.00 Siaran Melayu Tammat

SABTU — 23 JUNE, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Penyair dan Hasil Karya — (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Selingan
1.30 Buah Fikiran
1.45 Hiboran Penutup
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Pilihan Juru Hebah
7.15 Halaman Perbincangan — Rakaman BBC London
7.30 Kamusikan Tuan2 — Di-terbitkan Oleh Abd. Wahab Mohd.
7.45 Persembahan Orkest Rayuan Kenchana
8.00 Orkest Kronchong Baru
Radio Surakarta
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran Malam Ahad
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT
Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Hiboran Rengan dan Gembira
11.50 Majallah Sain dan Perusahaan Rakaman BBC London
12.00 Lagu2 Perminta'an Sukaramai — Di-sampaikan Oleh: Zainab Zainal Abidin
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Suntingan Lagu2 Sumatra
4.45 Tetamu Kita — Para Pengerang Di-Jemput ke-Studio untuk Memilih lagu2 Kegemaran-nya Di-terbitkan Oleh: Zainab Zainal Abidin

5.15 Simposium Di-Udara — Rakaman BBC London
5.30 Hidang Aneka Senandung
6.00 Siaran Melayu Tammat

AHAD — 24 JUNE, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Pagi
9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Senandung Pagi
9.15 Masak2kan
9.30 Ruangan Apa Khabar — Di-terbitkan Oleh: Adnan Hj. Hassan
10.15 Rengkas Berita
10.20 Suntingan Ranchangan Mingguan Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
10.30 Rehat
Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran Rampaian
12.45 Bahasa dan Kesuasteraan — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Asohan Wanita — Di-terbitkan Oleh: Dk. Mariam
1.30 Hiboran Dari Studio (Pancharagam Tempatan) Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran Pembuka'an
7.15 Majallah Radio — Di-terbitkan Oleh: Othman Kamarudin
7.45 Hiboran Tanpa Nyanyian
8.00 Aneka Ragam — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran (Lagu2 Melayu Asli)
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT
Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai
12.15 Halaman Sokan Sa-minggu
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hiboran Dari Studio
5.00 Halaman Sokan Mingguan — Di-terbitkan Oleh: Pengiran Mohammad
5.15 Mengelilingi Dunia di-alam Ria
5.30 Ruangan Cerita Pendek
5.45 Hiboran Akhir
6.00 Siaran Melayu Tammat

ITHNIN — 25 JUNE, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Subardini
12.45 Latar Belakang — Rakaman BBC London (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Hiboran
1.30 Cerita Pendek — (S.U.)
1.45 Pilihan Juru Hebah
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Lagu2 Hamzah Doimat
7.15 Penyair dan Hasil Keria — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohammad
7.30 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Di-sampaikan Oleh: Dayangku Mariam
8.15 Majallah Sain dan Perusahaan Rakaman BBC London
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran Malam
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Hiboran
11.45 Hiboran Irama Instrumental
12.00 Bunga Rampai Malaya
12.30 Rehat

Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Hiboran
4.45 Halaman Perbincangan — Rakaman BBC London
5.00 Permainan Hiboran Tempatan
5.30 Irama Lautan Tedoh
5.45 Hiboran Rampaian
6.00 Siaran Melayu Tammat

THALATHA — 26 JUNE, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Kamariah
12.45 Laporan Pandangan Mata — (V.O.A.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Lagu2 Latin Amerika
1.30 Asohan Wanita — (S.U.)
1.45 Hiboran Penutup
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.0 Ruangan Pemuda Pemuda — Di-terbitkan Bersama Oleh: Adnan Haji Hassan dan Dk. Mariam
7.45 Pilihan Sendiri — Di-terbitkan Oleh: Dk. Mariam
8.15 Ilmu Pengetahuan — Rakaman V.O.A.
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Cerita Seram — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Hiboran Rampaian
11.45 Seni Irama Melayu
12.00 Lagu2 Hiboran
12.15 Seruan Terumpit
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Hiboran
4.45 Laporan Pandangan Mata — Rakaman V.O.A.
5.00 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai
5.45 Irama Permainan Piano
6.00 Siaran Melayu Tammat

RABU — 27 JUNE, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Halaman Perbincangan — Rakaman BBC London (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Ruangan Apa Khabar — (S.U.)
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Lagu2 Hiboran
7.15 Latar Belakang — Rakaman BBC London
7.30 Pancharagam Tentera/Police
7.45 Lagu2 Perminta'an Sukaramai Di-sampaikan Oleh: Dk. Mariam
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Cerita Pendek — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Bunga Rampai Malaya
12.00 Studio Orkest
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Hiboran
4.45 Latar Belakang — Rakaman BBC London
5.00 Lagu2 Irama Joget
5.30 Lagu2 Hiboran Rampaian
6.00 Siaran Melayu Tammat

KHAMIS — 28 JUNE, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Nor'aid

- 12.45 Majallah Sain dan Perusa-
ha'an — (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta
Berita
1.15 Lagu2 Tanpa Nyanyian
1.30 Majallah Radio — (S.U.)
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Bacha'an Al-Koran
7.15 Kursus Al-Koran — Di-sam-
paikan Oleh: Tuan Haji
Khalidi
7.30 Lagu2 Irama Pelahan
8.00 Sejarah Islam
8.15 Lagu2 Melayu Asli
8.30 Tanda Waktu dan Warta
Berita
8.45 Tafsir Al-Koran
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

- Siaran Pagi**
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Perminta'an Suka-Ra-
mai — Di-sampaikan
Oleh: Zainab Zainal Abid-
din
12.00 Perkembangan Ilmu Pengeta-
huan Rakaman V.O.A.
12.15 Lagu2 Rampaian
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Melayu Asli
4.35 Pelajaran Tinggi Di-Britair
Rakaman BBC London
5.00 Permainan Hiboran Tempatan
5.45 Bacha'an Ayat Suchi Al-
Koran — Di-terbitkan Oleh:
Pengiran Mohamad
6.00 Siaran Melayu Tammat

JUMA'AT — 29 JUNE, 1962 BANDAR BRUNEI

- Siaran Pagi**
9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Bacha'an Al-Koran
9.15 Selingan
9.30 Pelajaran Ugama Di-Udara
9.45 Sharahan Ugama
10.00 Hiboran
10.15 Rengkas Berita
10.20 Mengisi Masa
10.30 Rehat
Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Mimbar Islam — Sembahyang
Juma'at Di-Masjid Omar Ali
Saifuddin, Selepas itu diikuti
dengan lagu2 Masir.
1.30 Tanda Waktu dan Warta
Berita
5. Hiboran Penutup
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran Pembuka'an
7.15 Sandiwara Radio — Di-ter-
bitkan Oleh: Abd. Wahab
Mohd.
8.00 Lagu2 Perminta'an Suka Ra-
mai — Di-sampaikan Oleh:
Dk. Intan
8.30 Tanda Waktu dan Warta
Berita
8.45 Hiboran Akhir
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

- Siaran Pagi**
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Hiboran
11.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain
— Rakaman BBC London
12.00 Rancangan Ugama — Di-
terbitkan Oleh: Pgn. Mohd.
12.32 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hiboran
4.30 Majallah Sain dan Perusa-
ha'an Rakaman BBC London
5.00 Lagu2 Paduan Suara
5.30 Aneka Lagu2 Melayu
Instrumental
5.45 Lagu2 Masir
6.00 Siaran Melayu Tammat

SABTU — 30 JUNE, 1962 BANDAR BRUNEI

- Siaran Tengah Hari**
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran

- 12.45 Peny'er dan Hasil Karya —
Di-terbitkan Oleh: Abd.
Wahab Mohd. (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta
Berita
1.15 Lagu2 Perminta'an Kaum
wanita — Di-sampaikan
Oleh: Othman Kamaruddin
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.01 Pilehan Juru Hebah
7.15 Bahasa dan Kesusastera'an
(S.U.)
7.30 So'alan Di-Udara — Di-terbit-
kan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
7.45 Hiboran
8.00 Madah Pujangga — Di-ter-
bitkan Oleh: Abu Bakar
8.15 Selingan
8.30 Tanda Waktu dan Warta
Berita
8.45 Cherita Seram — (S.U.)
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

- Siaran Pagi**
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Hiboran Rampaian
11.50 Majallah Sain dan Perusa-
ha'an Rakaman BBC London
12.00 Hiboran Irama Ranchak
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hidangan Aneka Seni Irama
4.45 Majallah Melalui Udara
Rakaman V.O.A.
5.00 Studio Hiboran
5.30 Hidangan Lagu2 Permin-
ta'an Suka Ramai
6.00 Siaran Melayu Tammat


AHAD 1 — JULY, 1962 BANDAR BRUNEI

- Siaran Pagi**
9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Senandong Pagi
9.15 Ruangan Masak2kan
9.30 Ruangan Apa Khabar —
Di-terbitkan Oleh: Adnan
Haji Hassan
10.15 Rengkas Berita
10.20 Suntungan Rancangan
Mingguan Di-terbitkan
Oleh: Othman Kamaruddin
10.30 Rehat
Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran Rampaian
12.45 Pantang Larang Orang
Tua2 — (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan
Warta Berita
1.30 Hiboran Dari Studio —
(Pancaragam Tempatan)
Di-terbitkan Oleh: Abd.
Wahab Mohd.
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Lagu2 Hiboran
7.15 Majallah Radio — Di-terbit-
kan Oleh: Othman
Kamaruddin
7.45 Hiboran Tanpa Nyanyian
8.00 Meninjau Sambil Lalu —
(S.U.)
8.30 Tanda Waktu dan Warta
Berita
8.45 Hiboran Akhir
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

- Siaran Pagi**
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Aneka Lagu2 Irama Lautan
Tedoh — Di-terbitkan Oleh:
Pengiran Mohammad
11.45 Simposium Di-Udara
12.00 Lagu2 Perminta'an Suka
Ramai — Di-sampaikan
Oleh: Zainab Zainal Abidin
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hiboran Dari Film
5.00 Halaman Perbincangan —
Rakaman BBC London
5.15 Irama Amerika Selatan
5.30 Sembahyang Lagu2 — Di-
terbitkan Oleh: Zainab
Zainal Abidin
6.00 Siaran Melayu Tammat

ISTIADAT BERBARIS HARI KEPUTERAAN BAGINDA QUEEN




Setu upacara berbaris untuk menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth Yang Kedua telah diadakan di Bandar Brunei pada 2 June, 1962. Duli Yang Maha Mulia Khawaja Al-Sultani, Asurumaya Tinggi Inggeris di-Brunei; Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir; Yang Amat Mulia Cheteria2; Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan dan lain-lainnya telah hadir di-istiadat tersebut. Gambar2 ini ialah di-antara pemandangan istiadat berbaris itu.

GAMBAR2 PEMBUKAAN RASMI MESJID MUARA



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan bertitah dalam Mesjid Muara pada 8 June, 1962 selepas Baginda mengisytiharkan pembukaan rasmi Mesjid itu. Mesjid itu telah di-bina oleh Kerajaan Brunei dengan perbelanjaan sebanyak \$250,000.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan di-atas sa-buah pentas yang khas pada masa Baginda tiba di-kawasan Mesjid Muara yang baharu untuk mengisytiharkan pembukaan rasmi Mesjid itu baharu2 ini.




Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei kelihatan pada masa memberi ucapan di-majlis pembukaan rasmi Mesjid Muara oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan baharu2 ini.

MESJID MUARA YANG LAMA



Mesjid Muara yang lama di-Kampung Seresa.



Satu pemandangan Mesjid Muara yang baharu. Dalam gambar ini kelihatan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan para hadirin di-majlis pembukaan rasmi Mesjid tersebut.

HADIAH SHARIKAT MINYAK

SUNGAI HANCHING—Satu upachara menyampaikan hadiah alat2 pembesar suara dari

Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad kepada Mesjid Sungai Hanching telah di-adakan di-

wasan Mesjid itu pada pagi hari Jumaat 8 June, 1962.


Hadiah itu telah di-sampaikan oleh Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei, Inche P.A. Coates.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Imam Mesjid Sungai Hanching, Tuan Haji Abdul Rahman bin Ya'kob; Wakil Ketua Kampong Sungai Hanching, Chegu Harun bin Abdul Samad; Guru Ugama Sekolah Melayu Sungai Hanching, Chegu Hashim bin Rafiee.

Inche P.A. Coates telah memberikan ucapan bagi pihak Sharikat Minyak Shell Brunei, manakala Inche Ismail Ariff telah memberikan ucapan bagi pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei.



Awangku Abas bin Pengiran Haji Besar, Ketua Juru Tayang Film di-Jabatan Sieran Radio dan Penerangan, Brunei, telah berangkat ke-Persekutuan Tanah Melayu pada hari Khamis yang lalu untuk berlatih sa-lama 6 bulan di-Malayan Film Unit dan 3 bulan lagi di-Perkhidmatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu.



Satu pemandangan Mesjid Batu Marang, Brunei. Dalam gambar ini kelihatan di-antara para hadirin di-majlis menyampaikan hadiah alat pembesar suara oleh Sharikat Minyak Shell Brunei kepada Mesjid itu. Berita-nya telah di-siarakan dalam akhbar ini pada 6 June, 1962. — Gambar Sharikat Minyak Shell Brunei.

PILEHAN RAYA NEGERI BRUNEI:

Renchana Khas Mengenai Peratoran2 Menamakan Chalun Dan Wakil Chalun Bagi Majlis2 Meshuarat Daerah

SABAGAIMANA yang telah di-ketahui bahawa kerajaan telah bersetujui dengan ketetapan yang telah di-buat oleh Surohanjaya Pilehan Raya mengenai tarikh pilehan2 raya umum bagi Majlis Meshuarat Daerah di-negeri ini yang mana jatuh pada 30 August 1962. Serentak dengan itu, Kerajaan juga telah mengumumkan Hari Menamakan Chalun, iaitu pada 21 July 1962.

Dalam keluaran renchana khas ini tuan2 dan puan2 dapat mengikuti peratoran2 menamakan chalun untuk masuk bertanding dalam pilehan2 raya umum yang akan menjelang pada 30 August tahun ini.

Sabelum kita membicarakan peratoran2 menamakan chalun ada baik-nya lebeh dahulu kita mengetahui siapakah orang-nya yang layak untuk menjadi chalun itu.

Menurut Perintah Perlembagaan mengenai Majlis2 Meshuarat Daerah dan Negeri, tahun 1961, orang yang layak untuk di-pilih atau di-chalunkan bagi menjadi sa-orang ahli Majlis Meshuarat Daerah, ialah:

- a) Dia hendak-lah sa-orang rakyat Sultan; dan
- b) Telah mencapai umur 21 tahun; dan
- c) Tinggal, atau mempunyai tempat kerja yang biasa di-dalam Daerah itu.

Bagaimana pun, syarat2 ini adalah bergantung, atau tertaklok kepada kandungan2 bab 6, dari perintah ini, yang mana sa-saorang itu tidak akan berhak menjadi ahli yang di-pilih atau sa-telah dia terpilih tidak boleh mendudoki korsi atau mengundi dalam Majlis itu, jika :

a) Kerana perbuatan-nya sendiri, dia telah mengakui ta'at setia, patoh, atau berdampingan kepada kuasa, atau negara yang di-luar lengkongan Komonwealth selain dari Negeri Republik of Ireland;

b) Dia telah di-ishtiharkan tidak sempurna akal-nya, atau di-tahan sabagai sa-orang gila, di-bawah sa-barang undang2 yang berjalan kuat kuasa-nya dalam negeri;

c) Dia telah di-hukum oleh mana2 mahkamah dalam negeri, dalam mana2 bahagian Komonwealth, atau dalam Negeri Republik of Ireland, dengan hukuman bunuh atau penjara, yang tidak boleh di-gantikan dengan denda. Pengechualian tentang fasal ini, ada terchatat dalam peratoran2 yang di-tentukan.

d) Sa-saorang itu belum lagi bebas dari bengkerap, setelah dia di-hukum, atau pun di-ishtiharkan bengkerap, di-bawah sa-barang undang2 yang berjalan kuat kuasa-nya dalam negeri, atau dalam sa-barang bahagian Komonwealth.

e) Sa-saorang itu menjadi ahli atau berkongsi di-dalam sa-buah rakanan, atau sa-saorang pengarah, atau pengurus sa-buah sharikat, yang menjadi pehak sa-barang konterek dengan kerajaan, yang lebeh dari

sa-ribu ringgit, bagi atau perkhidmatan awam serta tidak memberi tahu tentang keadaan konterek itu dan faedah-nya, atau faedah bagi rakan-nya, atau sharikat yang bersangkutan di-dalam konterek itu, mengikut chara dan masa sa-belum pilehan, sa-bagaimana yang di-tentukan;

f) Sa-saorang itu akan berbatal hak-nya untuk menjadi ahli Majlis Meshuarat Daerah menurut sa-barang undang2 bertulis mengenai kesalahan2 yang berkaitan dengan Pilehan Raya yang berjalan kuat kuasa-nya pada masa itu.

g) Sa-saorang itu akan terbatal kelayakan-nya untuk menjadi ahli yang di-pilih, kerana dia memegang, atau memangku sa-barang jawatan, dalam mana tugas-nya mengandongi tanggung2 jawab, atau mempunyai perhubungan dengan kerja2 pilehan raya, sama ada menyusun atau menyemak sa-barang daftar pengundi.

Supaya tidak ragu2, maka ada-lah di-ishtiharkan, bahawa sa-saorang itu tidak-lah terbatal kelayakan-nya untuk di-pilih menjadi ahli Majlis Meshuarat Daerah kerana ia memegang jawatan kerajaan.

Peratoran2 menamakan chalun untuk masuk bertanding dalam Pilehan2 Raya umum yang akan datang ini ia-lah seperti di-bawah ini :

Peratoran2 tersebut telah di-buat oleh Surohanjaya Pilehan Raya menurut Perintah Perlembagaan yang tertentu. Dalam keluaran renchana khas ini, kami petek serba ringkas peratoran2 tersebut untuk pengetahuan bersama.

Sesiapa yang mempunyai kelayakan memasoki Pilehan Raya untuk menjadi sa-orang ahli bagi sa-buah Majlis Meshuarat Daerah, mengikut Perintah Perlembagaan mengenai Majlis2 Meshuarat Daerah tahun 1961, boleh-lah di-namakan orang itu sa-bagai sa-orang chalun pilehan raya.

Chalun2 itu hendak-lah di-namakan dengan jalan menghantar tiga naskhah kertas menamakan chalun. Tiap2 kertas menamakan chalun itu, hendak-lah di-tanda tangani oleh dua orang, iaitu sa-bagai penchadang dan penyokong. Sa-lain dari itu, hendak-lah di-tanda tangani juga, sekurang2-nya oleh empat orang lagi.

Nama2 penchadang dan penyokong, serta sekurang2-nya nama empat orang lagi, atau pun lebeh dari empat orang itu mesti-lah nama2 mereka itu ada di-dalam daftar2 pengundi bagi kawasan pemilihan itu, iaitu kawasan, atau tempat chalun itu hendak bertanding. Chalun itu, mesti-lah membuat persetujuan yang bertulis dalam tiap2 kertas menamakan chalun.

Pada masa sa-saorang itu di-namakan sa-bagai chalun, menurut peratoran2, hendak-lah dia menyampai-kan surat pengakuan-nya kepada Pegawai Pengurus, mengenai kelayakan2 yang di-buat, dan di-tanda tangani oleh chalun tersebut di-hadapan Magistrate.

Sa-kira-nya surat pengakuan itu tidak di-sampaikan

bagaimana yang di-sebut-kan di-atas, maka penamaan chalun itu akan di-anggap sa-bagai tidak sah dan kertas menamakan chalun itu tidak-lah boleh di-terima oleh Pegawai Pengurus.

Pegawai Pengurus akan memberikan borang kertas menamakan chalun dan surat pengakuan kepada sesiapa yang berkehendakkan borang itu, pada sa-barang masa yang munasabah mulai dari tarikh keluaran perintah berkenaan dengan pilihan raya hingga pukul 12.00 tengah hari pada hari menamakan chalun itu sa-saorang chalun atau sesiapa juga bagi pihak-nya hendak-lah membayar wang petarohan sebanyak \$100.00 kepada Pegawai Pengurus, atau kepada sesiapa, yang di-kuasakan oleh Pegawai Pengurus tersebut. Sa-kira-nya wang petarohan itu tidak di-bayar, maka chalun itu di-anggap sa-bagai telah menarek diri daripada menjadi chalun.

Jika sa-saorang chalun itu tidak di-namakan sa-bagai chalun untuk masuk bertanding dalam pilihan raya itu atau jika chalun itu menarek diri, dari menjadi chalun menurut peratoran maka wang petarohan yang telah di-bayar-nya itu akan di-pulangkan. Sa-kira-nya pula, chalun itu mati sa-telah wang petarohan di-bayar oleh-nya sendiri, maka wang itu akan di-pulangkan kepada wakil-nya yang sah pada sisi undang2. Jika wang itu tidak di-bayar oleh-nya sendiri maka wang itu akan di-pulangkan kepada orang yang membayar wang petarohan.

Jika sa-saorang chalun itu kalah dan bilangan undi yang di-dapati-nya tidak lebih dari satu per-lapan dari jumlah undi yang di-buang maka wang petarohan-nya akan hilang dan wang itu akan di-masokkan ka-dalam khazanah negeri. Dalam hal yang lain, wang petarohan itu akan di-pulangkan kepada chalun tersebut.

Tiga naskhah dari kertas menamakan chalun itu hendak-lah di-sampaikan sendiri kepada pegawai pengurus di-antara pukul 10.00 pagi dan 12.00 tengah hari pada hari menamakan chalun itu. Atau di-sampaikan oleh penchadang, atau penyokong-nya, bersama2 dengan surat pengakuan yang di-kehendaki oleh peraturan. Jika kertas2 menamakan chalun itu, tidak di-sampaikan menurut peraturan2 tersebut, maka ia-nya akan di-tolak.

Salinan kertas menamakan chalun yang di-terima oleh Pegawai Pengurus akan di-tampilkan di-suatu tempat yang senang di-lihat di-luar tempat menamakan chalun itu.

Pegawai Pengurus akan membenarkan chalun2 tersebut, penchadang2 dan penyokong2 mereka, dan sa-orang yang lain lagi, jika ada, yang di-lantek oleh tiap2 chalun itu dengan chara bersurat untuk hadir pada hari menamakan chalun di-tempat menamakan chalun itu di-antara pukul 12.00 tengah hari hingga pukul 1.30 petang.

Pegawai Pengurus juga akan membenarkan mereka memeriksa kertas2 menamakan chalun yang telah di-terima bagi kawasan pemilihan pada masa dan di-tempat tersebut.

Orang2 yang mempunyai nama di-dalam daftar2 pengundi atau pemilih bagi kawasan pemilihan dan chalun2 bagi kawasan pemilihan boleh-lah membuat bantahan yang bertulis terhadap kertas menamakan chalun itu dengan syarat, mempunyai alasan2 yang seperti berikut, atau salah satu daripada-nya, dan bukan-lah kerana alasan yang lain. Alasan2 itu ia-lah :

- a) Keterangan mengenai chalun itu tidak chukop, untuk memperkenalkan diri-nya;
- b) Kertas menamakan chalun itu tidak menurut kehendak atau tidak di-sampaikan menurut kandungan2 peratoran;
- c) Menurut isi butir kertas menamakan chalun itu nyata-lah yang chalun tersebut tidak layak di-pilih menjadi ahli Majlis Meshuarat Daerah;

d) Tidak mengikut kandungan mengenai peratoran 5 dari peratoran ini;

e) Chalun itu tidak berkelayakan menjadi ahli, menurut kandungan2 Perintah Perlembagaan Majlis Meshuarat Daerah tahun 1961.

Kertas menamakan chalun itu akan di-luluskan melainkan ada bantahan yang di-buat kepada Pegawai Pengurus di-antara tengah hari hingga pukul 1.30 petang pada hari menamakan chalun.

Tiap2 bantahan hendak-lah di-buat sa-chara bersurat yang di-tanda tangani oleh orang yang membantah dan hendak-lah di-sebutkan akan sebab2 bantahan itu. Pegawai Pengurus itu sendiri, boleh mengemukakan bantahan di-atas salah satu daripada alasan2 yang terchatat dalam fasal (1) dari peratoran ini.

Pegawai Pengurus itu akan memutuskan dengan segera sama ada sah atau tidak, tiap2 bantahan itu. Dia akan memberi tahu keputusan-nya, kepada chalun yang berkenaan atau kepada penchadang atau penyokong-nya.

Keputusan Pegawai Pengurus itu ada-lah keputusan yang terakhir dan muktamad. Keputusan itu tidak boleh di-soal dalam sebarang Mahkamah.

Sesiapa yang tidak berpuas hati dengan keputusan Pegawai Pengurus itu boleh-lah membuat satu rayuan pilihan raya dengan alasan2 menurut Undang2 Kesalahan Pilihan Raya Tahun 1961.

Sa-lain daripada Pegawai Pengurus, sa-orang ahli Surohanjaya Pilihan Raya, Penyelia Pilihan Raya dan orang2 yang di-sebutkan dalam peratoran2 ini tidak di-benarkan hadir pada masa menjalankan kerja2 ini, kecuali dengan kehendak Pegawai Pengurus.

Jika pada hari menamakan chalun itu hanya sa-orang sahaja chalun yang di-namakan bagi kawasan pemilihan itu, maka Pegawai Pengurus akan mengishtiarkan chalun tersebut ada-lah terpilih — menang dengan tidak bertanding.

Jika pada hari menamakan chalun itu terdapat lebih dari sa-orang chalun yang di-namakan, bagi sa-buah kawasan pemilihan maka pembuangan undi akan di-adakan mengikut peratoran.

Chalun2 ini akan mempunyai chogan yang di-benarkan dan di-persetujui, oleh Surohanjaya Pilihan Raya yang mana menurut peratoran2 yang tertentu.

Sa-telah kita selesai membicarakan peratoran2 menamakan chalun maka satu perkara lagi soal yang mustahak dalam peratoran ini, ia-lah "Menamakan Wakil Chalun Pilihan Raya."

Tiap2 chalun itu hendak-lah menamakan wakil-nya dalam pilihan raya itu pada hari menamakan chalun atau sa-belum hari menamakan chalun dalam sesuatu pilihan raya. Wakil chalun itu, hendak-lah di-namakan dengan jalan bersurat, oleh chalun itu sendiri, atau oleh pihak-nya.

Sa-saorang chalun itu, boleh menamakan diri-nya sendiri, sa-bagai wakil chalun dalam pilihan raya dan ini tertaklok kepada peratoran yang tertentu.

Pada hari menamakan chalun, atau sebelum hari menamakan chalun, maka nama dan alamat wakil chalun dalam pilihan raya itu hendak-lah di-beritahu dengan pengakuan yang bertulis oleh chalun itu sendiri atau oleh orang lain bagi pihak-nya kepada Pegawai Pengurus.

Tiap2 orang chalun hanya di-benarkan melantek sa-orang wakil-nya sahaja dalam pilihan raya itu.

Jika nama dan alamat chalun itu tidak di-beri dengan pengakuan sebagaimana yang di-kehendaki oleh peratoran, maka chalun itu sendiri di-anggap sebagai wakil chalun dalam pilihan raya itu.

Tiap2 wakil chalun hendak-lah mempunyai sa-buah pejabat dalam kawasan pemilihan di-mana ia menjadi

sa-orang wakil chalun. Kapada pejabat itu-lah, akan di-hantar segala tuntutan2, pemberitahuan2, surat2 perintah dan sabagai-nya.

Alamat pejabat tersebut hendak-lah di-beritahu dengan pengakuan, kapada pegawai pengurus, pada masa wakil itu di-lantek.

Sa-saorang itu tidak layak, untok di-lantek menjadi sa-orang wakil chalun, jika :

- a) Dia bukan-nya sa-orang rakyat Sultan;
- b) Dia berumur kurang dari 21 tahun;
- c) Dalam masa 5 tahun, sebelum hari menamakan chalun, dia telah di-jatohkan hukuman kerana melakukan apa2 kesalahan yang terbabit dengan kekerasan atau tipu-menipu oleh sa-buah Mahkamah Undang2 dalam negeri dan dia belum menerima pengampunan untok di-bebaskan.

d) Dalam masa 5 tahun, sebelum hari menamakan chalun dalam pilihan raya itu, dia telah di-jatohkan hukuman atau telah di-bebaskan dari penjara setelah menjalankan satu hukuman penjara, kerana melakukan apa2 kesalahan di-bawah undang2 ini.

e) Dalam masa 5 tahun, sebelum hari menamakan chalun, dalam pilihan raya itu dia telah di-jatohkan hukuman kerana melakukan satu kesalahan di-bawah Undang2 Persekutuan2;

f) Dia ada-lah sa-orang yang terlibat dengan satu perintah yang telah di-buat, di-bawah undang2 persekutan2;

Sa-orang pegawai, kerani, juru-bahasa, atau orang lain yang mempunyai pekerjaan berhabit dengan se-barang pilihan raya tidak-lah boleh di-lantek atau bertindak sabagai wakil chalun dalam pilihan raya itu.

Daftar Tempat2 Menamakan Chalun, Pegawai2 Pengurus Dan Alamat Pegawai2 Pengurus

Kawasan	Tempat Menamakan Chalun	Pegawai Pengurus	Alamat
MUARA	Sekolah Melayu, Muara.	Inche Othman Bidin	Maktab Perguruan Melayu, Berakas.
PULAI-SALAMBIGAR	Sekolah Melayu, Berakas.	Inche Ali Aw. Besar	Pejabat Tanah Brunei.
BERAKAS	Sekolah Melayu, Berakas.	Tuan Hj. Hanafiah Abdullah	Pejabat Odit, Brunei.
SENGKURONG	Sekolah Melayu, Sengkurong.	Inche Md. Hussin Md. Yusoff	Pejabat Pelajaran, Brunei.
TANJONG NANGKA	Sekolah Melayu, Sengkurong.	Inche Hamid Jahfar	Pejabat Pertanian, Jerudong, Brunei.
P. UJALA BRUNEI	Sekolah Melayu, Muara.	Inche Chua Kwang Soon	Pejabat Kastam Di-Raja, Brunei.
DATO GANDI	Sekolah Melayu, Dato Gandhi.	Inche Md. Nor Aston	Pejabat Bandaran, Brunei.
PADANG	Sekolah Melayu, (SMJA) Bandar Brunei.	Aw. Jaya Abd. Latif	Pejabat Kehakiman, Brunei.
GADONG	Sekolah Melayu, Gadong.	Inche Chong Tet Kong	Pejabat Kerja Raya, Brunei.
BATU SATU	Sekolah Melayu, (SMJA) Bandar Brunei.	Inche Anthony Newn	Pejabat Setor2 dan Perbekalan2 Negara, Brunei.
KILANAS	Sekolah Melayu, Kilanas.	P. Momin bin P. Hj. Ismail	Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.
KIANGGEH	Sekolah Melayu, (SMJA) Bandar Brunei.	P. Metussin P. Piut	Pejabat Kerja Raya, Brunei.
SUMBILING	Sekolah Melayu, (SMJA) Bandar Brunei.	Aw. Tahir P.P. Hj. Aw. Hashim	Pejabat Tanah, Brunei.
SUNGAI KEDAYAN	Sekolah Melayu, (SMJA) Bandar Brunei.	Inche Sunny Ahmat	Pejabat Tanah, Brunei.
PEMANCHA-SULTAN LAMA	Sekolah Melayu, (SMJA) Bandar Brunei.	P. Mohamed P. Badar	Pejabat Perubatan, Brunei.
BENDAHARA-TAMOI	Sekolah Melayu, (SMJA) Bandar Brunei.	Inche Nordin Abdul Latif	Pejabat Pelajaran, Brunei.
SABA	Sekolah Melayu, (SMJA) Bandar Brunei.	Inche Ghani Hassan	Pejabat Daerah, Brunei.
LEILA MENCHANAI	Sekolah Melayu, (SMJA) Bandar Brunei.	Inche Yusoff Ampuan Daud	Sekolah Melayu, Leila Menchanai, Brunei.
PEKAN LAMA	Sekolah Melayu, (SMJA) Bandar Brunei.	Inche Talib Derwish	Pejabat Kerja Raya, Brunei.

Kawasan	Tempat Menamakan Chalun	Pegawai Pengurus	Alamat
BURONG PINGAI	Sekolah Melayu, (SMJA) Bandar Brunei.	P. Ahmad bin P. Yussof	Pejabat Ukur, Brunei.
SABA DARAT	Sekolah Melayu, (SMJA) Bandar Brunei.	Inche Jahfar Hj. Daud	Pejabat Imigresin, Brunei.
PERAMU	Sekolah Melayu, (SMJA) Bandar Brunei.	Inche Alikhan Abdulkan	Pejabat Pos.
LUMAPAS-KASAT	Khemah, Ujong Jalan Lumapas.	P. Shahminan P. Mashhor	Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.
PANGKALAN BATU	Sekolah Melayu, Pangkalan Batu.	Inche Matyassin Md. Yussof	Sekolah Melayu, Limau Manis, Brunei.
KUPANG-BIRAU	Sekolah Melayu, Kupang.	Md. Suni Idris	Maktab Perguruan Melayu, Berakas.
SINAUT	Sekolah Melayu, Sinaut.	Inche Bol Hassan Ghafar	Sekolah Melayu Sinaut, Tutong.
PENANJONG- KERIAM	Sekolah Melayu, Keriarn.	Tuan Hj. Abd. Hamid Abdul Wahid	Pejabat Kehutanan, Tutong.
PEKAN TUTONG	Sekolah Melayu, Tutong.	Inche Mahmud Aw. Damit	Pejabat Daerah, Tutong.
BUKIT PASIR	Sekolah Melayu, Tempuan Telisai.	P. Ahmad D.P.B. Hj. Md. Yassin	Pejabat Daerah, Tutong.
KIUDANG	Sekolah Melayu, Kiudang.	Inche Ishak Adam	Pejabat Ugama, Tutong.
TANJONG MAYA	Sekolah Melayu, Tanjong Maya.	Aw. Ahmad Hj. Ismail	Pejabat Pertanian, Tutong.
LAMUNIN	Sekolah Melayu, Lamunin.	Inche Md. Daud Seruddin.	Pejabat Pelajaran, Tutong.
KUALA ABANG	Sekolah Melayu, Layong.	Tuan Hj. Abd. Rahman Mohamed	Pejabat Ugama, Tutong.
UKONG	Sekolah Melayu, Ukong.	Inche Abdullah P. Hj. Abu Bakar	Sekolah Melayu, Bukit Bendira, Tutong.
RAMBAI	Sekolah Melayu, Rambai.	Inche Bolhassan Dato Pertinggi	Sekolah Melayu, Tanjong Maya, Tutong.
BENUTAN	Sekolah Melayu, Rambai.	Inche Ramlee Jamaludin	Pejabat Daerah, Tutong.
SUNGAI LIANG	Sekolah Melayu, Sungai Liang.	P. Hj. Abd. Rahman P. Hj. A. Rahim	Pejabat Daerah, Kuala Belait.
PEKAN SERIA	Sekolah Melayu, (M. Alam) Seria.	P. Metussin P. Shahbudin.	Pejabat Bandaran, Belait.
LORONG TIGA	Sekolah Melayu, (M. Alam) Seria.	Inche Chua Kong Ann	Pejabat Kerja Raya, Belait.
LORONG EMPAT-LIMA	Sekolah Melayu, (M. Alam) Seria.	Inche Md. Yassin Hj. Ahmad	Sekolah Melayu, Seria.
MARINA	Sekolah Melayu, (M. Alam) Seria.	Inche Peter Lee	Pejabat Kerja Raya, Belait.
LORONG TUJUH	Sekolah Melayu, (M. Alam) Seria.	Inche Lai Ah Jee	Pejabat Kehakiman, Belait.
PANAGA	Sekolah Melayu, (M. Alam) Seria.	Inche Zainal Abideen	Pejabat Kehutanan, Belait.
JALAN SERIA	Sekolah Melayu, (A. Tajuddin) Kuala Belait.	Inche Chua Kong Seng	Pejabat Perubatan, Belait.
PEKAN BELAIT	Sekolah Melayu, (A. Tajuddin) Kuala Belait.	Inche R. Teo Kim Yau	Pejabat Kastam Di-Raja, Belait.
SABERANG- TANJONG	Rumah Kastam, Tanjong	Inche Hamdan Abdullah	Pejabat Daerah, Belait.
BUKIT SAWAT	Sekolah Melayu, Bukit Sawat.	Inche Md. Hussin Abd. Hamid	Pejabat Pertanian, Belait.
BALAI-LABI	Rest House, Bukit Puan.	P. Othman P. Anak Md. Salleh	Pejabat Daerah, Belait.
LABU	Sekolah Melayu, Labu.	P. Besar P. Kula	Pejabat Daerah, Temburong.
BATU APOI	Sekolah Melayu, Batu Apoi.	Inche Haris Judin	Pejabat Daerah, Temburong.
BANGAR	Sekolah Melayu, Bangar.	Inche Abideen Abd. Rashid	Pejabat Daerah, Temburong.
UJONG JALAN	Sekolah Melayu, Puni.	Inche Arbi Ahmad	Pejabat Kehutanan, Temburong.
BELABAN	Sekolah Melayu, Biang.	Inche Ghani Abdullah	Pejabat Daerah, Temburong.
BOKOK	Sekolah Melayu, Bokok.	Inche Ibrahim Rajid	Pejabat Pertanian, Temburong.
AMO	Sekolah Melayu, Amo.	Inche Yaakub Kamis	Pejabat Daerah, Temburong.

Guru Merupakan Tulang Belakang Anak2 Bangsa

BANDAR BRUNEI.—Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, sa-laku Penasehat Agong Persekutuan Guru2 Melayu Brunei menyatakan bahawa guru ada-lah merupakan suatu tulang belakang bagi kemajuan anak2 bangsa, maka sebab itu-lah perjuangan guru2 harus di-pertimbangkan dengan wajar sa-belun melaksanakannya.

"Perjuangan ada-lah sa-bagai membina sa-buah bangunan. Yang perlu ia-lah "foundation" atau dasar bangunan itu," katanya.

Berucap dalam upacara pembukaan Meshuarat Jawatan Kuasa Tadbir PGGMB 1962 kali yang pertama pada 25 May yang lalu, beliau telah menasihatkan PGGMB supaya menumpukan perhatian yang besar kepada so'al penting dalam pembangunan ekonomi yang merupakan contoh tauladan yang baik untuk masyarakat bangsa kita.

"Saya berharap PGGMB akan maju dalam pergerakan-nya untuk faedah bangsa dan negara," katanya.

Sa-belun itu, Yang Dipertua PGGMB, Yang Berhormat Inche'

Shahbuddin bin Md. Salleh telah menyatakan dalam ucapan-nya di-majlis itu mengenai dasar2 perjuangan PGGMB bagi tahun 1962.

Beliau menegaskan Perjuangan PGGMB bagi tahun ini ada-lah terbahagi kepada lima dasar penting:

- ◆ Kedudukan dan gaji guru2;
- ◆ Bangunan (Rumah PGGMB);
- ◆ Undang2 (Kajian);
- ◆ Dasar Pelajaran; dan
- ◆ Mengkaji kelemahan pelajaran anak2 Melayu di-Sekolah2 dan chara2 mengatasi-nya.

Perkhemahan Pengakap

KUALA BELAIT. — Sa-kumpulan 10 orang murid Maktab Anthony Abell Seria di-ketuai oleh guru mereka telah menemui sa-buah kawasan yang sesuai untuk di-jadikan perkhemahan pengakap di-kawasan Labi, Daerah Belait.

Kawasan itu ada-lah terletak di-Bukit Teraja ia-itu berhampiran dengan sempadan di-antara Brunei dan Sarawak, kira2 25 batu dari Seria.

TAMAT BERLATEH

BERAKAS. — Mufti Negeri Brunei, Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz dan Kadhi Daerah Tutong, Inche Ishak bin Adam telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang dari Bagdad pada petang hari Ahad 10 June sa-telah menghadiri Mukhtar Islam Sa-Dunia mulai dari 29 May hingga 3 June.

Di-antara orang yang telah mengucapkan selamat balek ka-Brunei di-Lapangan Terbang Berakas kepada beliau2 tersebut ia-lah Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud dan Setia Usaha, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin bin Duli Pengiran Bendahara Haji Mohamed Yassin.

BERAKAS. — Inche Matarsad bin Marsal dari Jabatan Kerja Raya Brunei Bahagian Wokshop telah kembali ka-Brunei dengan kapal terbang pada 7 June yang lalu sa-lepas menghadiri kursus teknik di-Kilang Imperial Chemical Industries, Kuala Lumpur.

Beliau telah berangkat ka-Kuala Lumpur untuk menghadiri kursus tersebut atas perbelanjaan Kerajaan Brunei dalam bulan February tahun ini.



Ka-Malaya

Inche Abu Hanifah (kiri) dan Dayangku Intan (kanan) telah berangkat ka-Malaya pada 27 May yang lalu untuk menghadiri Seminar Pemuda Pemuda Sa-Dunia. Berita lanjut mengenai seminar itu akan di-siarkan dalam keluaran kita yang akan datang.

"KUBU" DI-TUBOHKAN DI-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah kesatuan buroh yang baharu ia-itu Kesatuan Buroh Umum Negeri Brunei telah di-tubuhkan baharu2 ini. Nama ringkas kesatuan buroh itu ia-lah "KUBU".

Penubuhan kesatuan buroh tersebut telah di-langsungkan di-bekas Ibu Pejabat Barisan Buroh Bersatu Brunei dan di-hadiri oleh ramai wakil dari sharikat2 perniagaan dan perusahaan di-seluruh Negeri Brunei.

Orang2 yang boleh menjadi anggota2 kesatuan itu ia-lah orang2 yang berkhidmat dengan sharikat2, kedai2, pelabohan, tambatan, ladang2 dan perniagaan yang menjalankan perniagaan dalam Negeri Brunei, dan sharikat2 yang bergabung dengan kesatuan itu, kechuali pekerja2 yang berkhidmat dengan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Pegawai2 KUBU untuk Tahun 1962-1963 yang telah di-lantik dalam meshuarat tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Yang Dipertua — Inche Ong Wee Ming. Timbalan Yang Dipertua — Inche Saidi bin Bugal.

Setia Usaha Agong — Inche Umar bin Tamin. Timbalan Setia Usaha Agong — Inche Stephen Yong.

Bendahari — Puan M. Bong. Timbalan Bendahari — Inche Kadir bin Tuah.

Setia Usaha Penerangan — Inche Thomas Kong. Setia Usaha

Organisasi — Inche Abdul Ghani bin Haji Tengah. Setia Usaha Kebajikan — Inche Ahmad bin Bujang.

Ahli2 Jawatan Kuasa — Inche Teo Eng Hock, Inche Vanibah Leong, Inche Yap Shua Chen dan Inche Hamdan bin Mohamed.

Pejabat Kesatuan Buroh Umum Negeri Brunei pada masa ini ia-lah di-Jalan Sultan, Bandar Brunei dan segala surat menyurat dengan kesatuan ini hendak-lah di-alamatkan kepada Peti Surat No. 13, Brunei.

PEGAWAI2 D.P.N.B.

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 Dewan Perdagangan Negeri Brunei yang telah di-lantik dalam Meshuarat Agong dewan itu baharu2 ini ia-lah:

Pengurus — Inche R.D. Ross. Setia Usaha Kehormat — Inche J.P. Smith dan Bendahari Kehormat — Inche P.G.A. Cantopher.



Maktab Perguruan Melayu Berakas telah mengadakan temasha Sukan Tahunan-nya di-padang besar Bandar Brunei dalam bulan lalu. Datin Hajjah Salmah isteri Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusof telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya di-temasha sukan itu. Gambar kiri ia-lah ahli2 Rumah Nakhoda Manis yang telah menjadi johan dan gambar kanan peserta2 yang telah berjaya merebutkan Piala Kejohanan bahagian2 wanita dan lelaki.

PILEHAN RAYA:**Hari Menetapkan Chalun — 21 July**
Hari Membuang Undi — 30 August

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah mempersetujuan rancangan Surohanjaya Pilehan Raya Brunei hendak mengadakan pilehan raya pertama bagi ahli2 4 buah majlis2 meshuarat daerah dalam bulan August tahun ini.

Surohanjaya itu telah memutuskan bahawa hari menetapkan chalun ia-lah 21 July dan hari membuang undi ia-lah 30 August.

Pilehan Raya itu ia-lah untuk memilih 55 orang ahli Majlis2 Meshuarat Daerah yang terdiri dari 24 orang bagi Majlis Meshuarat Daerah Brunei, 12 orang bagi Majlis Meshuarat Daerah Belait, 12 orang bagi Majlis Meshuarat Daerah Tutong dan 7 orang bagi Majlis Meshuarat Daerah Temburong.

Pembuangan undi bagi memilih ahli2 tersebut ia-lah dengan menggunakan kertas undi sulit.

Sa-lepas Pilehan Raya bagi ahli2 Majlis2 Meshuarat Daerah, ahli2 yang di-pilih itu akan menjadi suatu kumpulan pengundi di-dalam majlis meshuarat daerah masing2 untuk memilih sa-bahagian dari mereka untuk menjadi ahli2 yang di-pilih bagi Majlis Meshuarat Negeri.

Satu pengumuman Kerajaan berkata bahawa meshuarat pertama bagi kumpulan2 pengundi dari empat buah majlis2 meshuarat daerah itu akan di-adakan pada 17 September, 1962.

Bilangan ahli2 yang di-pilih dalam Majlis Meshuarat Negeri itu ia-lah 16 orang dan mereka itu di-pilih ada-lah seperti berikut:

8 dari Majlis Meshuarat Da-

erah Brunei, 4 dari Majlis Meshuarat Daerah Belait, 3 dari Majlis Meshuarat Daerah Tutong dan 1 dari Majlis Meshuarat Daerah Temburong.

Kerajaan Brunei Hadiahkan
\$3,000 Kapada Australia

BANDAR BRUNEI. — Majlis Meshuarat Kerajaan, Brunei telah meluluskan satu pengurniaan sa-banyak \$3,000 kapada Rumah Antara Bangsa bagi penuntut2 Asia di-Brisbane, Australia dalam bulan February tahun ini.

Pengurniaan tersebut telah pun di-kirinkan oleh Kerajaan Brunei melalui Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di-Brunei kapada Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di-Australia.

Kandungan surat yang telah di-kirinkan oleh Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di-Canberra berbunyi bahawa Pengarah Rayuan bagi Projek Rumah Antara-Bangsa di-Brisbane telah menerima surat yang di-kirinkan oleh P.J.T. Inggeris di-Brunei mengandungi check sa-banyak £A434. 7s. 6d (\$3,000).

Pengarah rayuan tersebut telah menguchapkan terima kasih atas kemurahan hati Kerajaan Brunei dan menyatakan bahawa derma itu "tidak shak lagi akan membantu kerja projek ini yang mana akan mendatangkan faedah kapada penuntut2 Australia dan seberang laut."

Jawatan Kuasa Kerja Projek Rumah Antara-Bangsa tersebut berasa gembira memutuskan bahawa satu dari pengajian itu akan dinamakan "PENGAJIAN BRUNEI" kerana mengenangkan derma yang terma'lom.

BULAN BAHASA:**Lawatan Jawatan Kuasa Istilah**

BANDAR BRUNEI. — Ahli2 Jawatan Kuasa Bahagian Istilah Bulan Bahasa Kebangsaan, Negeri Brunei dengan di-ketuai oleh Inche Jaya bin Abdul Latif akan melawat ka-daerah2 dalam negeri ini sa-belum menjelang bulan hadapan dan juga dalam bulan hadapan untuk memberi penerangan kapada pihak2 yang berkenaan bertubuh dengan penggunaan Bahasa Melayu sa-luas2-nya sa-bagai Bahasa Rasmi negeri ini.

Perkara tersebut telah di-persetujui dalam meshuarat Jawatan Kuasa bahagian tersebut yang telah di-adakan di-Bilek Persidangan, Dewan Kemasyarakatan pada petang hari Ahad yang lalu.

Jawatan Kuasa itu akan memberi penerangan kapada wakil2 dari Dewan2 Perdagangan, Shari-kat2 Keinderaan dan lain2-nya di-Bandar Brunei pada petang hari Ithnin 25 June, di-Tutong dan Kuala Belait pada hari Thalatha 26 June.

PENGAKAP2
KA-SIBU

BANDAR BRUNEI. — Majlis Pengakap Brunei akan mengirinkan dua pasokan pengakap sa-ramai 16 orang, ia-itu 8 orang dari Bandar Brunei dan 8 orang dari Kuala Belait untuk menghadhiri perkhemahan latehan kebangsaan di-Sibu dalam bulan hadapan.

Perkara tersebut telah di-persetujui dalam satu perjumpaan majlis itu baharu2 ini.

Bulan Bahasa Kebangsaan
Negeri Brunei
July 1962**GUNAKAN-LAH BAHASA**
MELAYU**PELATEH2**
INSPEKTOR
PULIS

BERAKAS. — Tiga orang pemuda Brunei yang telah di-pilih untuk berkhidmat sa-bagai Pelateh2 Inspektor Pulis telah berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang pada pagi 8 June, 1962 untuk berlateh di-Pusat Latehan Pulis di-Kuala Lumpur di-antara 8 dan 9 bulan.

Mereka ia-lah Inche Ya'kob bin Pehin Perdana Indra Haji Zainal, Inche Thani bin Abdul Hamid dan Inche Adnan bin Umar.

Balek Dari Malaya

BERAKAS. — Delapan belas orang pegawai2 Kerjaan Brunei yang telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu kerana memerhatikan perjalanan Pilehan Raya Kechil Tempatan di-Kelantan dan Perak pada 29 May telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada hari Ahad 10 June.

Rombongan itu ada-lah di-ketuai oleh Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar, Pengurus Surohanjaya Pilehan Raya, Negeri Brunei.

Dua orang Ahli2 Surohanjaya Pilehan Raya Negeri Brunei, ia-itu Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba dan Inche Kong En Choi ia-lah di-antara anggota rombongan tersebut.

BORIA
PULAU PINANG
BERMAIN
DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Orang ramai akan dapat menyaksikan permainan "Boria Pulau Pinang" di-padang Bandar Brunei pada malam 23 July akan datang.

Permainan Boria itu, di-karang dan di-arahkan oleh Inche Ibrahim Ali, bekas Penolong Pengarah Shari-kat Film Cathay-Kris, Singapura yang kini sedang berkhidmat dengan Kerajaan Brunei, ia-lah di-antara berbagai2 achara yang akan di-sulamkan di-temasha Sandiwara Bulan Bahasa Kebangsaan.

Pancharagam Dindang Irama di-bawah pimpinan Inche Awang Besar Sagap dan Inche Mohamed Som bin Hashim akan bermain di-temasha tersebut.

Pelawat2 Dari Sarawak

Tujuh orang anggota Majlis Pemuda Pemudi Negeri Sarawak kelihatan dalam gambar ini di-kawasan lapangan terbang Berakas pada petang 10 June, 1962 sa-belum mereka balek ka-Sarawak sa-telah melawat ka-kawasan2 telaga minyak di-Seria, Lutong dan Miri atas jemputan Sharikat Minyak Shell baharu ini. Dari kiri — Inche Chai Ko Chin, Inche Sim Meng Chin, Inche Sim Kheng Lung, Dayang Norolah Othman, Inche Martin Lai, Abang Louis Baring dan Awang Ali Basah. Sa-orang lagi anggota Majlis Pemuda Pemudi Negeri Sarawak, Inche Peter Yong yang juga telah melawat ka-kawasan2 telaga minyak tersebut atas jemputan Sharikat Minyak Shell tidak kelihatan dalam gambar ini. Beliau telah balek ka-Sarawak sa-hari kemudian.